

Bekas PM Jepun mati ditembak

SHINZO ABE

- Usia 67 tahun
- Perdana Menteri Jepun paling lama berkhidmat
- Mula jadi Perdana Menteri pada 2006 ketika usia 52 tahun
- Dilihat sebagai simbol perubahan dan belia.
- Penggal pertama Abe penuh konflik, dilanda pelbagai skandal serta perselisihan dan memaksa meletakkan jawatan secara tiba-tiba.
- Kembali ke pejabat sebagai Perdana Menteri pada 2012 selepas pulih daripada masalah kesihatan.
- Berusaha meningkatkan kadar kelahiran negara dengan menjadikan tempat kerja lebih mesra kepada ibu bapa, terutamanya ibu.
- Pengaruh kian merosot ketika wabak COVID-19 melanda, dengan pendekatan diambil sering dikritik sebagai keliru dan perlahan.
- Berperanan sebagai pendamai antara Amerika Syarikat dan Iran.
- Cuba memperbaiki hubungan dengan Russia dan China.

paling lama berkhidmat dengan memegang jawatan itu bermula 2006 sebelum sekali lagi dipilih pada dari 2012 hingga 2020.

Beliau bagaimanapun terpaksa berundur kerana mengalami masalah kesihatan berkaitan usus. AFP



Shinzo Abe rebah ketika berucap dalam kempen politik LDP

Tokyo: Bekas Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe disahkan meninggal dunia selepas beliau ditembak pada acara kempen semalam, penyiar awam *NHK* dan agensi berita *Jiji* melaporkan.

“Menurut pegawai kanan LDP (Parti Demokratik Liberal), bekas perdana menteri Abe meninggal dunia di sebuah hospital di bandar Kashihara, wilayah Nara, tempat beliau menerima rawatan perubatan.

“Beliau berusia 67 tahun,” kata *NHK*.

Terdahulu, *AFP* yang memetik *NHK* berkata, lelaki berusia 40-an ditahan kerana cubaan bunuh

dan senjata api digunakan dirampas.

Bekas pemimpin itu menyampaikan ucapan pada satu acara menjelang pilihan raya apabila bunyi tembakan yang jelas kedengaran, lapor *NHK* dan agensi berita *Kyodo*.

“Ketika dia sedang berucap, seorang lelaki datang dari belakang.

“Tembakan pertama berbunyi seakan pistol mainan, namun Abe tidak jatuh sebelum terdengar tembakan yang lebih kuat.

“Tembakan kedua lebih jelas, anda boleh lihat percikan api dan asap,” kata seorang wanita yang ditemukan di lokasi kejadian.

Kejadian itu menyebabkan Abe rebah dengan lehernya berdarah, kata sumber dari Parti Liberal Demokratik (LDP) kepada agensi berita *Jiji*.

LDP dan polis tempatan tidak dapat mengesahkan kejadian itu dalam tempoh singkat.

NHK dan *Kyodo* kedua-duanya melaporkan Abe sudah dibawa



Pegawai keselamatan menahan suspek kes tembak bekas Perdana Menteri Jepun, semalam.

(Foto REUTERS)

ke hospital.

Istilah yang digunakan di Jepun menunjukkan ‘tiada tanda masih hidup’ (*no vital sign*), dan biasanya digunakan sebelum pengesahan rasmi kematian oleh koroner.

Beberapa media melaporkan

Abe kelihatan ditembak dari arah belakang.

Kerajaan berkata, pasukan petugas sudah ditubuhkan susulan insiden itu dan jurucakap tertinggi kerajaan dijangka memberi kenyataan tidak lama lagi.

Abe, Perdana Menteri Jepun